

Khalid seru hentikan persepsi negatif terhadap Sultan Selangor
Malaysian Insider
Aug 18, 2014
OLEH JAMILAH KAMARUDIN

Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyeru pemimpin politik menghormati titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah yang mahu beliau mentadbir negeri sehingga baginda pulang daripada bercuti.

Khalid berkata, beliau akur dengan nasihat Sultan Sharafuddin supaya menjalankan tugas seperti biasa sementara menunggu kepulangan baginda.

"Saya menghormati dan akur nasihat Sultan Selangor supaya saya mengadap selepas baginda kembali ke tanah air.

"Sehingga itu, saya dan barisan exco akan menjalankan tugas seperti biasa bagi menjamin pentadbiran serta pengurusan negeri berjalan lancar dan baik.

"Saya menyeru semua pihak terutama pemimpin politik menghormati titah Tuanku Sultan dan menghindarkan diri daripada membuat kenyataan yang boleh mengundang tanggapan negatif terhadap Sultan Selangor," katanya.

Khalid hari ini membatalkan semua program rasminya hari ini, termasuk perjumpaan bulanan dengan penjawat awam pagi di Dewan Jubli Perak awal pagi tadi.

Beliau turut membatalkan jadualnya menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Bola Sepak Selangor di Kelab Shah Alam, petang ini dan hanya menghantar wakil iaitu Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi.

Kelibat beliau juga tidak kelihatan di sekitar pejabatnya di Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK), Shah Alam sepanjang hari ini.

Khalid pada Jumaat minggu lalu mendakwa, Sultan Sharafuddin menitahkannya supaya tidak membuat sebarang kenyataan sehingga 27 Ogos ini.

"Tuanku Sultan menitahkan supaya saya tidak membuat sebarang keputusan atau pengumuman berkenaan jawatan menteri besar sehingga baginda kembali pada 27 Ogos ini untuk saya menghadap baginda.

"Saya menasihatkan kepada pihak berkenaan yang mendakwa saya mengelirukan Tuanku Sultan supaya menulis terus kepada baginda untuk mendapatkan penjelasan," katanya. – 18 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khalid-seru-hentikan-persepsi-negatif-terhadap-sultan-selangor>